



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PERANAN IBU BAPA PELAJAR DALAM KONTEKS INTERAKSI
PENDIDIKAN BAGI PENGEMBANGAN POTENSI PELAJAR
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SMK SERI AMAN :
SATU KAJIAN KES**

ZAHIDI BIN KHAMIS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

8 APRIL 2007

ZAHIDI BIN KHAMIS
M20051000164



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DECLARATION

I hereby that the work in this dissertation is my own except for quotations and summaries which have been duly acknowledge.

8 APRIL 2007

ZAHIDI BIN KHAMIS
M20051000164



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurniaanNya akhirnya dapatlah saya menyelesaikan kertas Laporan Projek (SSP6006) dengan jayanya. Pelbagai rintangan dan cabaran yang terpaksa saya tempuhi dalam menjayakan projek ini. Namun berkat doa dan semangat yang dibekalkan kepada saya, akhirnya segala rintangan dapat jua diatasi.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Prof. Dr. Tjetjep Rohendi Rohidi yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses penghasilan projek ini. Jasa dan sumbangan beliau telah berikan rasanya tidak dapat dinilai dengan wang ringgit. Semoga Allah memberkati beliau.

Tidak dilupakan juga kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberikan semangat dan galakan sepanjang saya mengikuti program sarjana ini. Begitu juga dengan isteri tersayang Nordiana bt Lahbudin yang terpaksa berkorban kerana berjauhan setiap minggu. Pengorbanan beliau dalam mendidik dua cahaya mata iaitu Nur Adriana Batrisyia dan Mohammad Danish Hadif akan saya kenang hingga ke akhir hayat.

Sekalung ucapan terima kasih jua buat rakan-rakan seperjuangan Che Mat, Anuar, Rashidi, Jirun, Hamsina, Zuhaida, Affendi, Rashid, Hashimah, Aleha dan lain-lain kerana tidak jemu-jemu dalam memberikan bantuan dan tunjuk ajar. Semoga kita semua akan dapat menamatkan pengajian ini dengan jayanya. Ingatlah rakanku sekalian, perjalanan kita masih jauh.

Akhir sekali, tidak dilupakan kepada rakan seperjuangan saya yang begitu banyak membantu dan membimbing saya iaitu Allahyarham Zolcaply bin Sahib yang telah kembali kerahmatullah pada penghujung 2006. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh beliau. Alfatihah.



SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 3.1	Jadual Teknik Pengumpulan Data	27
Jadual 4.1	Jumlah Penduduk Mengikut Tahun	30
Jadual 4.2	Keluasan Tanah Keseluruhan	35
Jadual 4.3	Kursus-kursus dan Latihan Kemahiran	44
Jadual 4.4	Anggaran Pendapatan Minimum Peneroka	46
Jadual 4.5	Tugasan Guru Mengikut Tingkatan	52

**SENARAI RAJAH****Muka surat**

Rajah 3.1	Papan tanda ke kawasan Felda Bukit Aping Barat	19
Rajah 3.2	Papan tanda Felda Bukit Aping Barat	20
Rajah 3.3	Peta Kawasan Felda Bukit Aping Barat	20
Rajah 4.1	Kedudukan Felda Bukit Aping Barat dan Timur dalam Peta Malaysia	29
Rajah 4.2	Peta Lokasi Kajian	29
Rajah 4.3	Carta Pai Menunjukkan Peratus Negeri Asal Penduduk	31
Rajah 4.4	Pelan Rumah FELDA	32
Rajah 4.5	Rumah asal peneroka FELDA	33
Rajah 4.6	Pelan kawasan rumah FELDA	34
Rajah 4.7	Tadika Kemas	36
Rajah 4.8	SRK Seri Aman	36
Rajah 4.9	SMK Seri Aman	36
Rajah 4.10	Pejabat FELDA	37
Rajah 4.11	Balai Raya dan Bangunan GPW	37
Rajah 4.12	Klinik Desa	38
Rajah 4.13	Masjid Al Shakirin	38
Rajah 4.14	Padang dan Astaka	39
Rajah 4.15	Pondok RELA	39
Rajah 4.16	Pasar raya D'Mart	40
Rajah 4.17	Aliran Pendapatan Peneroka	46
Rajah 4.18	Pokok-pokok bunga yang ditanam di tepi jalan	48
Rajah 4.19	Landskap	49
Rajah 4.20	Hubungan Tiga Dimensi Sekolah, Ibu Bapa dan Komuniti	50
Rajah 4.21	Suasana bilik PSV	55
Rajah 4.22	Sudut Pameran	56





Rajah 4.23	Anugerah Panitia Terbaik	56
Rajah 4.24	Peralatan pelajar untuk PSV	62
Rajah 4.25	Rumah contoh	63
Rajah 4.26	Susunan pokok-pokok bunga di tepi rumah	64
Rajah 4.27	Pokok-pokok bunga secara berkelompok	64
Rajah 4.28	Pokok-pokok bunga pagaran	65
Rajah 4.29	Teknik <i>cementferro</i>	65
Rajah 4.30	Permaidani di ruang tamu	67
Rajah 4.31	Langsir	67
Rajah 4.32	Susunan perabot	68
Rajah 4.33	Susunan perabot yang kemas	68





**PERANAN IBU BAPA PELAJAR DALAM KONTEKS INTERAKSI
PENDIDIKAN BAGI PENGEMBANGAN POTENSI PELAJAR
PENDIDIKAN SENI VISUAL DI SMK SERI AMAN :
SATU KAJIAN KES**

ABSTRAK

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan salah satu mata pelajaran yang ditawarkan di setiap sekolah di Malaysia. Mata pelajaran ini menjadi semakin penting memandangkan keperluannya di dalam bidang pekerjaan. Kajian ini dilakukan bagi melihat Peranan Ibu Bapa Pelajar dalam Konteks Interaksi Pendidikan bagi Pengembangan Potensi Pelajar PSV di SMK Seri Aman. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif ini dirasakan sesuai kerana menjawab persoalan-persoalan bagaimana, apakah dan mengapakah. Kaedah ini lebih bersifat memahami, menjelaskan dan mendalami secara kemanusiaan. Kajian difokuskan kepada ibu bapa pelajar tingkatan empat yang bersekolah di SMK Seri Aman, Kota Tinggi, Johor. Informan diperoleh daripada 10 orang ibu bapa yang dipilih secara rawak. Bagi mendapatkan maklumat, teknik pengumpulan data yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian, rakaman audio, rakaman visual dan dokumen. Kajian dilakukan dengan melihat hiasan dalaman dan persekitaran, peruntukan masa dan kewangan, kelengkapan peralatan PSV dan penglibatan masyarakat sekeliling. Hasil daripada kajian yang dibuat, didapati ibu bapa pelajar di SMK Seri Aman ini memainkan peranan bagi memastikan perkembangan potensi anak mereka dalam mata pelajaran PSV ini. Selain itu, pihak pengurusan dan masyarakat setempat juga berperanan dalam membantu meningkatkan mata pelajaran PSV ini. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu pihak sekolah dan pentadbiran setempat dalam merancang pembangunan pendidikan khasnya bagi mata pelajaran PSV ini.





PARENTAL INVOLVEMENT IN THE DEVELOPMENT OF INTERACTIVE EDUCATION FOR PENDIDIKAN SENI VISUAL (PSV) AT SMK SERI AMAN. CASE STUDY.

ABSTRACT

Pendidikan Seni Visual (PSV) is subject offered in every school throughout Malaysia. This subject has increasingly become more important as it is an appreciative skill in the public workforce. This study look into Parental involvement in the development of interactive education for Pendidikan Seni Visual (PSV) at SMK Seri Aman. Qualitative approach is taken for this study. This approach is coincided suitable because it answers the problem statement. This approach is seen to be humanistic in trying to understand and explain the problem statement. Thus the focus is on the parent of the Form Four students of the said school in Kota Tinggi, Johor. The study involved 10 respondents taken at random. Data collection was done trough interviews, observation, audio / visual recording and documentation. The study also took into a count the interior decorations and surroundings, time span and financial this positions, compete facilities and community involvement. The result of this study shows that parents do play an important role at SMK Seri Aman in ensuring their children's potential development for the subject of PSV. It was noted that the school's management and local community also played a role in the subject development. The result of this study, is expected to be beneficial to the school and local administration in the planning an development of visual art education (PSV).



KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vii
ABSTRAK	viii
ABSTRACT	ix
KANDUNGAN	x
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Pernyataan masalah kajian	2
1.3 Tujuan kajian	3
1.4 Signifikan / Kepentingan Kajian	4
1.5 Persoalan kajian	5
1.5.1 Bagaimanakah kondisi masyarakat di FELDA?	6
1.5.2 Bagaimanakah orientasi pendidikan yang diterima oleh ibu bapa?	6
1.5.3 Bagaimanakah ibu bapa memperuntukkan kewangan dan masa untuk mata pelajaran PSV?	6
1.5.4 Bagaimanakah ibu bapa memahami seni dalam kehidupan seharian?	7
1.6 Kepentingan kajian	7
 BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Latar Belakang Keluarga	8
2.2 Budaya	10
2.3 Agama	11
2.4 Ekonomi	12
2.5 Pendidikan	13
2.6 Kesenian	14
 BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pendekatan Kajian	16
3.2 Reka Bentuk	17
3.3 Fokus Kajian	19
3.3.1 Sampel Kajian	19
3.3.2 Lokasi Kajian	19
3.4 Sumber Data	21



3.5	Teknik Pengumpulan Data	21
3.5.1	Pemerhatian	21
3.5.2	Temu bual	22
3.5.3	Dokumentasi/Arkib	24
3.5.4	Rakaman audio/visual	24
3.6	Analisis Data	25
3.7	Kebolehpercayaan Data	26

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1	Gambaran Umum Felda Bukit Aping Barat	28
4.1.1	Lokasi	28
4.1.2	Penduduk	30
4.1.3	Penempatan Peneroka	31
4.1.4	Pembangunan Pertanian	34
4.1.5	Prasarana	35
4.2	Pendidikan dan Orientasi Hidup Masyarakat FELDA	40
4.2.1	Pendidikan Peneroka	40
4.2.2	Bantuan Pendidikan	42
4.2.3	Asrama-asrama Semai Bakti FELDA	42
4.2.4	Kecemerlangan Pendidikan	43
4.2.5	Orientasi Kehidupan	45
4.2.6	Pendapatan	45
4.2.7	Persekitaran dan Sumbangan	48
4.3	Pendidikan Seni di Sekolah	51
4.3.1	Sukatan Pelajaran	53
4.3.2	Prasarana dan Kelebihan	55
4.4	Peranan Ibu bapa	57
4.4.1	Kewangan	58
4.4.2	Masa	60
4.4.3	Peralatan	61
4.4.4	Persekitaran Rumah	63

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	71
-------------------------------	----

RUJUKAN	73
---------	----



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Pendidikan Seni Visual (PSV) merupakan salah satu mata pelajaran teras bagi peringkat Sekolah Menengah Rendah (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.17/1988) dan mata pelajaran pilihan bagi peringkat Sekolah Menengah Atas (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.8/1990). Melalui kedua-dua surat pekeling tersebut, semua pelajar peringkat Menengah Rendah wajib mempelajari mata pelajaran PSV manakala peringkat Menengah Atas boleh membuat pilihan kerana mata pelajaran pilihan ditawarkan adalah tertakluk kepada kemudahan-kemudahan yang ada, termasuklah guru-guru.

Kenyataan Surat Pekeling Ikhtisas di atas membawa maksud, semua pelajar akan mempelajari mata pelajaran PSV di peringkat Menengah Rendah. PSV akan diajar dengan peruntukan masa 2 waktu seminggu. Manakala bagi peringkat Menengah Atas masa yang diperuntukkan ialah 3 waktu seminggu.

SMK Seri Aman adalah sebuah sekolah bantuan penuh kerajaan yang terletak di dalam kawasan Felda Bukit Aping Barat, Kota Tinggi, Johor. Sekolah ini

merupakan sebuah sekolah luar bandar. Pelajar-pelajarnya datang daripada kawasan Gugusan Aping. Gugusan Aping sebenarnya terdiri daripada dua buah rancangan FELDA iaitu Felda Bukit Aping Barat dan Felda Bukit Aping Timur. Namun begitu, disebabkan sekolah ini terletak berhampiran dengan Perkampungan Mawai. Maka pelajar dari perkampungan Mawai juga diterima bersekolah di SMK Seri Aman. Keseluruhan pelajar sekolah ini berbangsa Melayu dan beragama Islam.

SMK Seri Aman dikategorikan sebagai sebuah sekolah gred B kerana jumlah pelajarnya hanyalah seramai 632 orang sahaja. Bagi mata pelajaran Pendidikan Seni Visual (PSV) yang terletak di bawah bidang Sains dan Kemanusiaan menerima agihan peruntukan sebanyak RM5.00 bagi setiap orang murid.

Pelajar-pelajar di sekolah ini terdiri daripada anak dan cucu peneroka FELDA. Pada keseluruhannya peneroka di sini sudah tidak lagi bekerja di ladang-ladang ataupun di kebun-kebun. Hal ini sedemikian kerana FELDA telah menebang semua pokok getah untuk Projek Tanaman Semula (PTS) dan digantikan dengan tanaman kelapa sawit. Mereka kebanyakannya menjalankan aktiviti sampingan lain seperti berkebun dan bekerja sendiri. Namun begitu, bagi mereka yang membuat pilihan untuk mengusahakan sendiri ladang mereka, terpaksa bekerja di ladang setiap hari. Ini bagi membolehkan mereka mendapat bantuan daripada pihak RISDA.

1.2 Pernyataan Masalah Kajian

Jika dilihat dari aspek kepentingan mata pelajaran PSV ini, dapatlah dilihat peranannya dalam kehidupan seharian masyarakat di sini. Masyarakat di FELDA sebenarnya bukanlah terdiri daripada golongan yang tidak tahu langsung tentang seni.

Daripada pemerhatian yang dibuat secara rambang, di dapati persekitaran dan dalaman rumah mereka terdapat elemen-elemen seni. Namun begitu, masalah yang wujud daripada fenomena ini ialah peranan yang dimainkan oleh ibu bapa bagi melihat kesinambungan ilmu dalam perkembangan potensi anak mereka bagi pendidikan seni ini.

Sehubungan itu, satu kajian dirasakan perlu bagi mengupas sejauh mana penglibatan ibu bapa dalam membantu perkembangan potensi anak mereka dalam pelajaran khususnya mata pelajaran PSV ini.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk :

- i. Melihat sejauh mana keterlibatan ibu bapa dalam membantu peningkatan anak mereka dalam PSV.
- ii. Mengenal pasti golongan ibu bapa yang faham akan kepentingan mata pelajaran ini.
- iii. Mencari punca yang menyebabkan ibu bapa begitu menggalakkan anak mereka mempelajari PSV.
- iv. Mencari maklumat daripada ibu bapa yang memahami kepentingan mata pelajaran PSV untuk masa depan.

1.4 Signifikan / Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap akan memberikan sedikit dapatan dan kepentingan kepada sekolah, ibu bapa, guru dan pelajar di SMK Seri Aman. Selain itu, diharap kajian ini dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang memerlukan, terutamanya dalam bidang pendidikan. Tidak kiralah sama ada di peringkat sekolah, daerah, negeri mahupun negara. Diharapkan nanti, ibu-ibu bapa pelajar akan lebih memahami dan mengenali mata pelajaran PSV. Berikut antara kepentingan Kajian yang diharapkan:

- i. Memberi pendedahan kepada ibu bapa tentang mata pelajaran PSV.
- ii. Menjelaskan kepada ibu bapa akan kepentingan PSV untuk kerjaya anak-anak mereka.
- iii. Menerangkan kepada ibu bapa fungsi PSV dalam kehidupan dan masyarakat.
- iv. Menjadikan ibu bapa yang lebih terbuka dan sanggup memperuntukkan sedikit masa serta kewangan untuk anak mereka.
- v. Melahirkan masyarakat yang celik seni.
- vi. Mendorong minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran PSV.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh mana peranan ibu bapa pelajar terhadap mata pelajaran PSV. Mata pelajaran ini merupakan salah satu mata pelajaran yang perlu diajar kepada pelajar menengah rendah dan menjadi mata pelajaran pilihan untuk menengah atas. Ibu bapa perlu diberi pendedahan terhadap mata pelajaran ini agar mereka akan lebih memahami dan mengenali mata pelajaran PSV ini.

Kajian ini juga merupakan sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan mata pelajaran PSV seperti mata pelajaran lain. Kini mata pelajaran PSV bukanlah

satu mata pelajaran yang begitu popular kerana sikap dan tanggapan masyarakat terhadap mata pelajaran ini terlalu rendah. Hal ini sedemikian kerana mereka kurang faham dan tidak mahu memahami akan kepentingan seni dalam kehidupan seharian mereka. Justeru itu, dengan adanya Kajian sebegini diharapkan satu perubahan yang menggalakkan berlaku. Perkara ini perlu diperbetulkan secepat mungkin kerana mata pelajaran ini sebenarnya sangat penting terutamanya apabila ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Hampir keseluruhan sektor ekonomi di negara kita memerlukan kepakaran dalam bidang seni ini. Jelaslah di sini bahawa terdapat ratusan peluang pekerjaan di dalam bidang seni yang menanti pelajar setelah tamat persekolahan mereka kelak.

1.5 Persoalan Kajian

Tajuk kajian ini ialah : **Peranan Ibu Bapa Pelajar dalam Konteks Interaksi Pendidikan bagi Pengembangan Potensi Pelajar PSV di SMK Seri Aman : Satu kajian kes**

Berikut adalah empat persoalan utama dalam kajian ini.

- i. Bagaimanakah kondisi masyarakat di FELDA?
- ii. Bagaimanakah orientasi pendidikan yang diterima oleh ibu bapa?
- iii. Bagaimanakah ibu bapa memperuntukkan kewangan dan masa untuk mata pelajaran PSV?
- iv. Bagaimanakah ibu bapa memahami seni dalam kehidupan seharian?



1.5.1 Bagaimanakah kondisi masyarakat di FELDA?

Daripada persoalan pertama itu saya pecahkan kepada beberapa persoalan sampingan.

Berikut ialah beberapa persoalan sampingannya:

- i. Tahap keselesaan hidup di FELDA?
- ii. Sumbangan dan galakan daripada pihak pengurusan FELDA?
- iii. Faktor persekitaran yang membantu kemajuan pelajar dalam PSV?

1.5.2 Bagaimanakah orientasi pendidikan yang diterima oleh ibu bapa?

Daripada persoalan kedua itu saya pecahkan kepada beberapa persoalan sampingan.

Berikut ialah beberapa persoalan sampingannya:

- i. Tahap akademik yang diterima
- ii. Pengalaman berkaitan seni yang dipelajari
- iii. Kemahiran seni yang diminati dan dikuasai

1.5.3 Bagaimanakah ibu bapa memperuntukkan kewangan dan masa untuk mata pelajaran PSV?

Daripada persoalan ketiga itu saya pecahkan kepada beberapa persoalan sampingan.

Berikut ialah beberapa persoalan sampingannya:

- i. Adakah ibu bapa memperuntukkan kewangan untuk mata pelajaran PSV ini?
- ii. Adakah ibu bapa memperuntukkan masa untuk membimbing hasil kerja PSV anak-anak mereka?
- iii. Adakah ibu bapa menyediakan peralatan bantuan yang diperlukan untuk anak mereka?





1.5.4 Bagaimanakah ibu bapa memahami seni dalam kehidupan seharian?

Daripada persoalan keempat itu saya pecahkan kepada beberapa persoalan sampingan.

Berikut ialah beberapa persoalan sampingannya:

- i. Bagaimanakah landskap persekitaran rumah?
- ii. Bagaimanakah hiasan di dalam rumah?
- iii. Adakah perhubungan sosial mempengaruhi aspek kesenian mereka dalam kehidupan?
- iv. Apakah pandangan ibu bapa terhadap kepentingan seni?

1.6 Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini difikirkan perlu bagi membantu pihak-pihak tertentu melihat sejauh manakah penglibatan ibu bapa dalam memastikan perkembangan pelajaran anak mereka terutamanya bagi mata pelajaran PSV ini.

Selain itu kajian ini dijangka akan menunjukkan tahap pengetahuan dan keterlibatan ibu bapa dalam bidang seni itu sendiri. Penglibatan secara langsung ataupun tidak dalam bidang seni dijangka akan membantu pihak pentadbiran rancangan FELDA dalam merencana pembangunan persekitaran kawasan persekitaran.

Sehubungan itu, diharapkan kajian ini akan membuka mata sesetengah pihak akan fungsi dan peranan mata pelajaran PSV kepada sistem pendidikan dan kehidupan seharian. Kesedaran ini difikirkan perlu bagi melahirkan masyarakat yang celik seni.

